

03/11/2001

Sidang Asean ke-7 rintis hala tuju makmur, aman

Lichong Angkui

SIDANG Kemuncak Asean Ke-7 di Bandar Seri Begawan, Brunei yang bermula dengan mesyuarat peringkat pegawai hari ini, adalah pertemuan penting bagi 10 anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara dalam menghadapi cabaran dunia.

Dengan keadaan dunia yang diramal tidak menentu berikutan insiden serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 September lalu, persidangan kali ini dilihat begitu bermakna bagi Asean untuk bersatu, khususnya dalam mendepani isu-isu keselamatan yang menjadi prasyarat kestabilan sosioekonomi dan sosiopolitik serantau.

Justeru, tidak hairanlah isu keganasan dijangka mendominasi agenda persidangan kali ini yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di Berakas, selain isu tradisional ekonomi dan serantau serta masalah HIV/Aids yang cuba diketengahkan Malaysia sebagai program utama perbincangan.

Berbeza dengan persidangan rasmi dan tidak rasmi sebelum ini, persidangan di Brunei kali ini dijangka mengeluarkan dua kenyataan berasingan, iaitu satu khusus mengenai keganasan dan satu lagi kenyataan umum menyentuh soal membabitkan kepentingan bersama.

Kenyataan mengenai keganasan difahamkan akan merujuk secara khusus kepada serangan penganas 11 September lalu yang menjejutkan seluruh dunia.

Kertas konsep mengenainya disediakan Filipina, iaitu sebuah negara yang menghadapi ancaman kegiatan penganas.

Ia mencadangkan diadakan Troika Asean dengan beberapa objektif, antaranya membuat perakuan mengenai tindakan konkrit dan praktikal bagi memperkukuhkan kerjasama Asean, terutama berhubung penyelarasan polisi menentang keganasan.

Selain itu, ia boleh dijadikan wadah mengkaji semula instrumen antarabangsa sedia ada mengenai keganasan dan menyesuaikannya dengan mekanisme yang dipraktikkan Asean selama ini.

Sewajarnya Asean, sebagai sebuah institusi serantau terpenting, membuat pendirian sendiri dalam menangani isu-isu keganasan sebagaimana blok dan kumpulan serantau lain.

Sekadar menyebut sebahagian saja, Organization of America States (OAS), Persatuan Asia Selatan Bagi Kerjasama Serantau (SAARC), Liga Arab, Negara-Negara Bebas Komanwel (CIS), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pertubuhan Perpaduan Afrika (OAU) dan Pertubuhan Kerjasama Shanghai sudah membuat pendirian menentang keganasan antarabangsa sebelum pun tragedi 11 September.

Dalam konteks keselamatan, Asean sememangnya sudah membuat beberapa keputusan sejak beberapa tahun lalu. Justeru, persidangan kali ini wajar mengimbas semula persetujuan Sidang Tidak Rasmi Kedua Asean di Kuala Lumpur pada 1997 yang bersepakat untuk mengambil tindakan tegas menangani jenayah sempadan antara negara.

Dua lagi komitmen yang disepakati Asean dalam menangani jenayah dan keganasan ialah Deklarasi Asean Mengenai Jenayah Sempadan Antara Negara yang ditandatangani Menteri Dalam Negeri Asean di Manila pada 20 September 1997 dan Pelan Tindakan Asean Untuk Menangani Jenayah Sempadan Antara Negara dalam mesyuarat di Yangon pada 23 Jun 1999.

Justeru, persidangan ini dilihat pentas terbaik bagi Asean mentelaah dan menggilap semula keputusan lalu dengan mengambil kira kepentingan masa

depan rantau ini.

Dalam pada itu, persidangan ini yang menyaksikan Brunei menjadi tuan rumah buat kali pertama selepas menganggotai Asean pada 1984, tentunya tidak dapat lari daripada menyentuh soal ekonomi.

Ia menjadi lebih penting kerana inilah juga antara siri pertemuan terakhir sebelum liberalisasi perdagangan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dikuatkuasakan yang kemudian disusuli Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 2003.

Dengan menyedari pentingnya rantau ini memulihkan gelaran sebagai Harimau Asia, pertemuan ini diharap akan melakar sejarah kerana ia adalah platform terbaik bagi Asean meletakkan dirinya pada kedudukan sebagai kuasa ekonomi lebih mantap.

Justeru, agendanya harus tertumpu kepada pelaksanaan pendekatan lebih berkesan dan mekanisme pragmatik untuk mencari taring harimau yang hilang itu.

Asean diwujudkan pada 1967 dengan matlamat mewujudkan sebuah rantau yang aman, maju dan makmur.

Bermula dengan enam negara asal - Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura dan Brunei - kini ia sudah lengkap sebagai Asean 10 berikutan penyertaan negara Indo-China, iaitu Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.

Hakikatnya, Asean yang mempunyai lebih 482 juta penduduk adalah sebuah pasaran dan ekonomi cukup besar berbanding Kesatuan Eropah (EU).

Persoalannya ialah bagaimana menjadikannya sebuah gagasan kuat yang sukar untuk dirobuhkan.

Dengan krisis ekonomi 1997-1998 sudah berlalu, maka fokus persidangan kemuncak kali ini sewajarnya lebih menjurus kepada usaha menggilap kilauan ekonomi serantau yang pudar seketika dengan memperkukuhkan kerangka kerjasama sedia terjalin.

Sudah pun dalam agendanya, sebagaimana menjadi kelaziman persidangan, untuk meneliti semula kemajuan program kerjasama kalangan negara anggota yang disepakati pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Singapura pada November tahun lalu.

Namun, melihat kesan peninggalan pasca krisis ekonomi dahulu, Asean sebenarnya tetap unggul sebagai sebuah institusi serantau.

Malah, ia dilihat bersedia untuk bertukar menjadi Komuniti Asia Tenggara selaras dengan intipati Wawasan Asean 2020 yang dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin Asean di Kuala Lumpur pada 1997.

Mungkin sudah tiba masanya sidang Asean+3 dan Asean+1 dengan China, Jepun dan Korea Selatan pada hari terakhir di Bandar Seri Begawan nanti boleh dimanfaatkan sebaik mungkin oleh ketua-ketua negara Asean.

Ketiga-tiga negara terbabit boleh membantu membentuk satu blok lebih kukuh bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Dalam memperkasa Asean menjadi sebuah ekonomi berpengaruh, mungkin wajar hasil daripada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Singapura pada November tahun lalu, diimbaz semula.

Ini perlu memandangkan banyak keputusan penting dibuat di kota singa itu yang menyaksikan Asean melangkah dengan lebih yakin ke arah membentuk satu blok negara yang kukuh dan mantap bagi menghadapi persaingan globalisasi.

Begitupun, dalam menghadapi gelombang globalisasi atau dunia tanpa sempadan, Asean perlu juga mengambil sikap berhati-hati.

Dalam soal pasaran, misalnya, ia tidak perlu terburu-buru menerima idea baru, terutama usaha untuk membuka pasaran mereka kepada dunia luar. Sebaliknya, Asean perlu mengkaji kesan globalisasi itu secara serius dan mendalam.

Kesan serangan penyangak mata wang dan krisis ekonomi 1997-1998 perlulah dijadikan iktibar.

Selain isu ekonomi, sidang kemuncak kali ini juga dijangka membincangkan beberapa aspek lain, termasuk soal HIV/Aids yang diperjuangkan Malaysia untuk dijadikan perbincangan utama.

Sebenarnya isu berkenaan turut dibangkitkan di Singapura tahun lalu.

Malah, pemimpin Asean bersetuju mengadakan sesi khas mengenai HIV/Aids di Brunei kali ini.

Tujuan sesi khas itu adalah bagi menggerakkan kerjasama serta meraih sokongan politik bagi menjadikan isu HIV/Aids sebagai keutamaan untuk ditangani secara bersama.

Sebelum ini, Malaysia secara khusus menyatakan akan menggesa negara anggota Asean supaya bersatu dalam melobi bagi mendapatkan hak pelesenan pengeluaran ubat antiretroviral di rantau ini, sekali gus menyelaras usaha pengimportan bagi mengatasi masalah kos yang tinggi.

Rawatan antiretroviral adalah rawatan paling berkesan dalam mengurangkan kandungan virus HIV dalam darah.

Bagaimanapun, disebabkan harganya mahal, iaitu antara RM2,000 hingga RM2,500 sebulan, ramai mereka yang positif HIV masih tidak mampu menjalani rawatan berkenaan.

Perangkaan menunjukkan hanya satu peratus daripada kira-kira 34,000 orang yang dilaporkan positif HIV di Malaysia mampu mendapat rawatan berkenaan.

Malaysia sudah memperjuangkan isu HIV/Aids pada peringkat antarabangsa sejak beberapa tahun lalu.

Pada Oktober 1999, ketika Kongres Antarabangsa Kelima Mengenai Aids di Asia dan Pasifik (ICAAP), Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyarankan supaya pemimpin Asia Pasifik membincangkan dilema itu secara serius.

Kemudian dalam mesyuarat di Yogyakarta pada April 2000, Menteri-Menteri Kesihatan Asean meluluskan kertas supaya diadakan persidangan khas Asean mengenai HIV/Aids.

Di Singapura tahun lalu, pemimpin Asean yang menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean bersetuju diadakan sesi khas HIV/Aids di Brunei kali ini.

Tiga isu inilah - keganasan, ekonomi dan HIV/Aids - adalah antara yang dijangka menjadi tumpuan kali ini walaupun ada agenda lain turut diketengahkan seperti semakan pada Pelan Tindakan Hanoi.

Hakikatnya, Sidang Kemuncak Asean Ke-7 dianggap amat penting bagi semua negara anggota, bukan saja dalam menghadapi kemelut pasca serangan pengganas 11 September, tetapi juga merintis hala tuju rantau ini sebagai zon yang aman, selamat, maju dan makmur.

(END)